

## **DUKA MANGSA BANJIR TERUBAT, TERIMA KUNJUNGAN KDYMM YANG DI- PERTUAN AGONG**

**PEKAN, 14 JANUARI 2021:** Kesedihan mangsa banjir di daerah ini sedikit terubat selepas menerima kunjungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang berkenan bercemar duli ke beberapa Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Pekan.

Mereka begitu terharu dan gembira menerima kunjungan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum AlMutawakkil 'Alallah Sultan Iskandar Al-Haj serta paduka anakanda.

Seorang warga emas, Zauwiyah Mat Yasin, 72, berkata, dia sangat terharu dan tidak menyangka apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sudi meluangkan masa menziarahi mangsa banjir di PPS.

"Alhamdulillah, makcik gembira kerana Seri Paduka Baginda datang sendiri menjenguk kami yang ditimpa musibah ini. Baginda Tuanku sentiasa mengambil berat akan kebajikan rakyat yang sedang susah," katanya ketika ditemui Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP) di PPS Dewan Paloh Hinai.

Turut berangkat, Yang Amat Mulia Tengku Arif Bendahara Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah; Yang Amat Mulia Tengku Puteri Raja Tengku Puteri Jihan Azizah 'Athiyatullah binti Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Yang Amat Mulia Tengku Panglima Muda Tengku Ahmad Ismail Mu'adzam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Bagi seorang lagi mangsa, Fauziah Mat Yassin, 62, beliau gembira dan teruja kerana dapat bersua muka dengan Yang di-Pertuan Agong di samping baginda menghulurkan sendiri bantuan makanan dan wang tunai.

"Saya bersyukur dan berterima kasih atas kesudian baginda Tuanku mengunjungi kami sekeluarga di sini. Terima kasih Tuanku kerana sudi melawat kami di PPS," katanya.

Sementara itu, Farah Dilaila Jamaludin, 34, berkata, kesempatan kali pertama dapat bersua dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong cukup menggembirakannya.

Katanya, sebelum ini beliau hanya melihat Seri Paduka Baginda di televisyen dan peluang dapat berjumpa dengan baginda Tuanku cukup mengujakan.

"Saya lebih bersyukur kerana baginda Tuanku turut menghulurkan sumbangan kepada mangsa banjir di sini. Terima kasih kerana sudi menjenguk dan menghulurkan sumbangan," katanya. – **PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang**  
**#Pahang1st**  
**#KerajaanNegeriPahang**  
**#UKOMP**

**Oleh: Muhammad Shahrinnahar Abd. Latib**

**Foto: Putera Falliq Hakim Suhairi**

(LIPUTAN BERGAMBAR)

